



Pernyataan Pastoral untuk dispensasi dari berpuasa dan berpantang pada Rabu Abu 2026

Saudara-saudari umat Tuhan yang dikasihi,

Tahun depan, sambutan hari kedua Tahun Baru Cina jatuh pada Hari Rabu Abu, Februari 18, 2026, iaitu hari berpuasa dan berpantang.

Konferensi para Uskup Katolik Malaysia,

Singapura dan Brunei, dan dengan persetujuan Komisi Liturgi Episkopal Serantau Malaysia, Singapura dan Brunei, dengan ini memberikan dispensasi daripada berpuasa dan berpantang pada Hari Rabu Abu, Februari 18, 2026.

Walau bagaimanapun, tradisi merayakan liturgi Rabu Abu pada hari itu akan

dikekalkan dengan pengenalan abu.

Semua umat Katolik digalakkan untuk berpuasa dan berpantang pada hari lain semasa Pra-Paskah kecuali pada Jumaat Agung, yang sudah menjadi hari puasa dan berpantang.

Semoga anda mendapat berkat Tuhan yang melimpah.

William Cardinal Goh

Kardinal William Kardinal Goh
Presiden

Komisi Liturgi Episkopal Serantau
Konferensi para Uskup Katolik Malaysia,
Singapura, Brunei

Disember 18, 2026

TAKHTA SUCI: Ketika Gereja menyambut Hari Keamanan Sedunia pada Januari 1, Sri Paus Leo XIV merenungkan dunia yang ditandai dengan ketakutan, ketenteraan dan ancaman perang. Dalam mesej pertamanya untuk sambutan ini, prelatus itu membincangkan keseriusan masa ini sambil mencadangkan visi keamanan yang "tidak bersenjata dan melucutkan senjata", menentang keganasan bukan melalui kekerasan tetapi melalui kejelasan moral, dialog dan pertaubatan hati.

"Sejahtera ke atas kamu!"— Sri Paus Leo XIV kembali menulis kata-kata semasa memperkenalkan dirinya sebagai penerus Sto Petrus. Kata-kata itu, "bukan sahaja menginginkan kedamaian, tetapi mahu membawa perubahan yang berkekalan kepada mereka yang menerimanya serta meyakinkan bahawa kedamaian Kristian adalah aktif dan giat menolak keganasan."

Ketakutan tidak membawa keamanan
Ketakutan ialah tema dalam renungan Sri Paus. Sri Paus memberi amaran bahawa apabila masyarakat acuh tak acuh terhadap kepentingan keamanan, bermakna mereka menerima naratif di mana perang kelihatan tidak dapat dielakkan, malah perlu.

"Bukan kebetulan bahawa wujudnya gesaan berulang kali untuk meningkatkan perbelanjaan ketenteraan, dan menjadi pilihan ramai pemimpin kerajaan sebagai tindak balas terhadap ancaman luaran. Idea kuasa pencegah kekuatan ketenteraan, terutamanya pencegahan nuklear, adalah berdasarkan kepada kerasionalan hubungan antara negara, yang dibina bukan atas undang-undang, keadilan dan kepercayaan, tetapi atas ketakutan dan penguasaan dengan kekerasan."

Pendekatan ini, katanya, tidak membawa keselamatan sebaliknya mengukuhkan ketidakstabilan dan mengekalkan kebimbangan.

Memetik kata-kata Sto Yohanes XXIII, Sri Paus Leo XIV mengingatkan bagaimana rakyat hari ini hidup "dalam cengkaman ketakutan yang berterusan, dengan menyedari bahawa senjata mampu memusnahkan secara dahsyat sudah wujud dan perang boleh tercetus secara kebetulan dan keadaan yang tidak dijangka."

Beliau memetik angka konkrit, menyatakan bahawa perbelanjaan ketenteraan global meningkat sebanyak 9.4 peratus pada tahun 2024, mencapai \$2.7 trilion -



sumber yang disalurkan kepada instrumen kematian bukannya pembangunan manusia.

Apabila perang menjadi "normal"

Mesej itu menyoroti perubahan dalam sikap politik dan budaya, di mana kesediaan untuk berperang dilihat sebagai berhemat dan pelucutan senjata sebagai naif.

Bapa Suci Leo menulis, "Apabila keamanan bukan realiti yang dihayati, dipupuk dan dilindungi, maka pencerobohan merembak ke dalam kehidupan domestik dan awam." Beliau memberi amaran bahawa normalisasi konfrontasi ini mendominasi politik global, menjejaskan diplomasi dan undang-undang antarabangsa.

Bapa Suci Leo turut menulis tentang peranan teknologi baharu, termasuk kecerdasan buatan, dalam membuat keputusan ketenteraan. Beliau menggelar ini sebagai "pengkhianatan yang merosakkan terhadap prinsip undang-undang dan bertentangan dengan falsafah humanisme, kerana mesin semakin mengambil alih tanggungjawab untuk pilihan hidup dan

mati, manakala kepentingan ekonomi mendorong persenjataan semula."

Injil ialah keamanan

Sri Paus mengulangi bahawa Injil ialah tentang keamanan dan tanpa keganasan. "Keamanan bagi Yesus ialah tanpa senjata. Perjuangannya adalah perjuangan tanpa senjata di tengah-tengah keadaan sejarah, politik dan sosial yang konkrit."

Uskup Roma itu mengatakan Yesus bersabda kepada kita dan para murid-Nya, "masukkan pedangmu kembali ke sarungnya" (Mat 26:52) yang merupakan panggilan untuk orang Kristian untuk komited menolak keganasan dan kesaksian kenabian.

Dalam dunia yang menyamakan kekuatan dengan penguasaan, kebaikan itu sendiri akan "melucutkan senjata."

Katanya, "Mungkin inilah sebabnya Tuhan menjadi seorang kanak-kanak," merujuk kepada ketidakberdayaan di Betlehem sebagai wahyu kuasa ilahi.

"Kedamaian Yesus yang bangkit adalah tanpa senjata, perjuangan-Nya adalah perjuangan tanpa senjata di tengah-tengah

keadaan sejarah, politik dan sosial yang konkrit."

Sri Paus Leo XIV menulis bahawa keamanan yang sebenar "tidak boleh terdiri daripada memiliki bekalan persenjataan yang sama tetapi hanya dalam kepercayaan bersama."

Agama, tambahnya, mempunyai tanggungjawab untuk mengelakkan penggunaan iman untuk membenarkan keganasan atau perang dan sebaliknya menjadi "rumah kedamaian di mana permusuhan ditangani melalui dialog, keadilan dan pengampunan."

Kedamaian sejati tidak boleh dicapai melalui pemilikan bekalan senjata, ia hanya dapat dicapai melalui kepercayaan bersama.

Mengulangi kata-kata pendahulunya, Sri Paus Fransiskus, beliau memberi amaran terhadap naratif yang menggambarkan keganasan sebagai sesuatu yang tidak dapat dielakkan, sambil menyatakan bahawa naratif sedemikian adalah alat dominasi.

Media Vatikan

Santa Perawan Maria, wanita paling berkuasa di dunia!

PULAU PINANG: Gereja *Immaculate Conception* (CIC) meraikan hari perayaan tahunannya dengan sambutan empat hari dari Disember 5–8, menarik lebih 1,000 umat beriman untuk program yang berpusat pada doa, renungan dan adorasi.

Tema perayaan tahun ini ialah “Harapan Tidak Mengecewakan – Maria sebagai Tiang Harapan Kita”.

Paroki CIC bersukacita dengan kehadiran Uskup Agung Kuala Lumpur, Julian Leow, yang mengendalikan dan berkhotbah sepanjang empat hari perayaan itu.

Perayaan hari pesta bermula pada Disember 5, dengan liturgi yang dipimpin oleh golongan muda, berpusat pada sub tema “Maria, Bonda Harapan Kita.”

Beliau dari paroki memimpin perayaan malam itu, menjemput umat untuk menemui semula Maria sebagai seorang ibu yang berjalan bersama mereka melalui ketidakpastian dan cabaran.

Hari pembukaan memperlihatkan komitmen paroki untuk mengembara bersama

generasi akan datang dan mengukuhkan iman mereka melalui teladan Maria kepada Tuhan.

Hari kedua, bertemakan “Maria, Pengantara Harapan Kita”, membawa umat fokus kepada golongan miskin, pendatang dan golongan terpinggir.

Umat berkumpul dalam perpaduan doa, memohon syafaat penuh belas kasihan Maria bagi mereka yang menderita atau menghadapi ketidakadilan. Intensi khas dipersembahkan untuk maruah, perlindungan dan harapan bagi semua yang berjuang melindungi mereka yang terabai oleh masyarakat.

Pada Disember 7, perayaan menumpukan “keluarga” di bawah tema “Maria, Panduan Harapan Kita.”

Paroki mengakui cabaran unik yang dihadapi keluarga hari ini dan menghormati Maria sebagai teladan perpaduan, ketahanan dan iman.

Semasa Perarakan Maria yang diadakan pada waktu pagi, ia telah menyatukan komuniti dalam ungkapan pengabdian dan kesy-



ukuran yang nyata atas bimbingan keibuan Maria.

Hari terakhir perayaan itu memberi tumpuan kepada orang sakit dan warga emas, mengiktiraf mereka sebagai ahli komuniti yang dihargai.

Semasa Misa penutup, paderi mengoles Minyak Suci untuk Orang Sakit, menawarkan hiburan, penyembuhan dan harapan baharu melalui sakramen tersebut.

Momen penting hari itu ialah upacara pembaharuan komitmen oleh ahli Persatuan St Vincent de Paul (SSVP), yang mengesahkan semula misi mereka untuk berkhidmat kepada golongan miskin dengan belas kasihan dan

kerendahan hati.

Perayaan tahun ini menjemput umat beriman untuk mengembara bersama Maria — Ibu, Pendoa Syafaat dan Pembimbing — yang sentiasa membawa Gereja lebih dekat kepada Kristus, sumber harapan yang tidak pernah gagal.

Paderi CIC — Msgr Jude Miranda dan Fr Oliver Tham, OFM, menyatakan kesyukuran mereka kepada Uskup Agung Julian kerana berkhidmat sebagai penceramah hari perayaan, dan kepada Frs Frederick Joseph, Ryan Innas, Bernard Hyacinth, SJ, dan seminarian Jayson Wang kerana menyertai perayaan hari perayaan paroki. **Nicholas Khor**

Umat hormati relik kelas pertama Sto Francis Xavier

KENINGAU: Perayaan Santo Penaung Katedral St. Francis Xavier (KSF) Keningau disambut dengan meriah dan unik, apatah lagi ia diadakan serentak upacara Pengutusan KSF Youth Fiesta (KYF).

Misa Kudus dipimpin oleh Msgr Gilbert Lasius, bersama Uskup Cornelius Piong, dan para paderi yang melayani di KSF.

Uniknya sambutan kali ini ialah umat dapat membuat penghormatan kepada relik kelas pertama Santo Francis Xavier.

“Kita meraikan pesta St Francis Xavier sambil meneladani kehidupannya sebagai rasul Yesus yang sejati. Ketika kita masih hidup, kita harus bertindak balas terhadap iman kita dan

komited untuk menjadi murid Kristus,” kata Msgr Gilbert.

Tambahnya, kehidupan yang ditunjukkan oleh para santo amat mengagumkan. Mereka wujud dalam sejarah dan mengutamakan iman mereka.

Misionari hebat, Santo Francis Xavier, meninggal dunia pada Disember 3, 1552, dan 70 tahun kemudian, diisytiharkan sebagai Santo oleh Sri Paus Gregory XV pada Mac 12, 1622.

Relik atau peninggalan orang kudus menunjukkan bahawa Sto Francis Xavier sentiasa bersama umat Kristian, mendoakan dan berjalan bersama kita dalam misi membina kerajaan Tuhan di dunia.



Gereja sentiasa mengasihi, melindungi golongan kurang upaya

KOTA KINABALU: Pelayan Keperluan Khas Katedral Hati Kudus, Karamuning berkumpul untuk sambutan Krismas yang bermakna dan penuh kegembiraan pada Disember 15 lalu.

Pagi itu diperkaya dengan doa, persekutuan, senyuman gembira, perkongsian makanan, pemberian hadiah, dan aktiviti yang meriah bersama golongan kurang upaya.

Penghargaan yang tulus kepada Fr Moses dan Sr Cecilia Wong, para penyokong, sukarelawan, ibu bapa, dan semua yang menyokong sepanjang pertemuan ini.

Cinta, komitmen dan perkhidmatan anda menjadikan perayaan ini benar-benar tidak dapat dilupakan dan istimewa. Bagi golongan kurang upaya, Gereja sentiasa menghargai dan mengasihi mereka.

Pada hari yang sama, Pokok Krismas dan Palungan Krismas Luar diberkati semasa



Misa Senja oleh Fr Gilbert Markus. Dua elemen itu mengingatkan umat sebagai persiapan menyambut kedatangan Sang Penyelamat, dalam hidup, keluarga, Gereja dan komuniti mereka.



Bazar amal tingkatkan kesedaran dan sokongan untuk golongan autisme

PETALING JAYA: Kelab Sokongan Pekerjaan Autisme (*SEA Club*) mengalu-alukan ratusan pengunjung ke Bazar Amal kali ketiga mereka baru-baru ini, sebuah acara yang bertujuan meningkatkan kesedaran dalam komuniti dan menyerlahkan kepentingan pekerjaan yang disokong untuk Orang Autisme Dewasa (PWA).

SEA Club ditubuhkan pada tahun 2020 sebagai ruang khusus yang menyokong orang dewasa dalam spektrum autisme untuk bekerja dalam persekitaran kerja yang terlindung dan selamat serta menggabungkan penglibatan sosial dan riadah dalam aktiviti dalaman dan luaran.

Bazar Amal yang diadakan di pusat *SEA Club*, telah menarik pengunjung tanpa mengira bangsa dan latar belakang, mewujudkan suasana yang meriah dan mesra.

Ahli masyarakat, jiran dari kawasan sekitar, pelawat kali pertama yang ingin tahu, dan malah ahli keluarga yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang autisme.

Bazar tahun ini menampilkan pelbagai jenis barangan yang baharu dibakar dan kraf tangan yang dibuat hasil usaha tanpa jemu PWA. Barangan antik, lukisan, buku, dan barangan terpakai berkualiti juga boleh dibeli.

Selain mengumpul dana, bazar amal tahunan ini berfungsi sebagai platform yang bermakna untuk mengeratkan hubungan antara



PWA dengan masyarakat yang lebih luas.

Orang Dewasa dengan Autisme (PWA) menghadapi banyak cabaran untuk menjalani kehidupan yang penuh dan produktif dengan maruah.

Pengerusi Kelab SEA, Rita Anthony, berkata bahawa Kelab SEA berharap dapat membawa peluang pekerjaan kepada golongan dewasa muda dengan autisme ini.

Beliau menjelaskan bahawa selalunya tidak mungkin bagi PWA dewasa untuk keluar dan bekerja walaupun sesetengah daripada mereka mempunyai kemahiran asas. pekerjaan mengikut keutamaan dan kebolehan PWA, di mana mereka terlibat dalam kerja secara bermakna.

“Acara komuniti seperti ini adalah penting dalam menghilangkan stigma dan memberikan peluang kepada komuniti untuk melihat sendiri kemahiran kerja dan kebolehan PWA,” tambah Rita.

Sahabat kecil Yesus

Hai anak-anak,

Apabila kita bercakap tentang Keluarga Kudus, kita bercakap tentang Yesus, ibunya Maria, dan bapa angkatnya, Santo Yosef. Maria menjadi ibu Yesus ketika dia bertunang (rasmi bertunang) dengan Santo Yosef dan bapa sebenar Yesus ialah Tuhan Bapa sendiri.

Jadi Santo Yosef bertindak sebagai Bapa Yesus di bumi.

Santo Yosef ialah seorang tukang kayu dan bekerja keras untuk menyediakan keperluan keluarganya. Maria mengasahi Yesus dan Yosef dan memasak serta membersihkan untuk mereka.

Apabila Yesus cukup umur, Santo Yosef melatihnya untuk menjadi tukang kayu juga.

Kerana mereka semua saling menyayangi dengan kemurahan hati dan tidak mementingkan diri, mereka benar-benar keluarga yang

paling bahagia dan paling suci yang pernah hidup.

Kita boleh mencontohi Keluarga Suci dengan mengasahi ibu bapa dan adik-beradik kita serta mengutamakan orang lain sebelum diri sendiri.

Anak-anak, fikirkan apa yang dapat anak-anak lakukan hari ini untuk membuat keluarga anak-anak lebih Bahagia? Kadang-kadang perkara yang kecil, dapat membuatkan hati ibu bapa kita

berbangga dan gembira dengan kita misalnya membantu mengemas dapur, mengemas bilik sendiri, mengulang kaji pelajaran tanpa disuruh atau menyiram bunga.

Dalam beberapa hari lagi, kita akan menyambut tahun baharu 2026. Antie ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada anak-anak dan keluarga anak-anak!

Salam Kasih
Antie Melly

Injil pada hari Minggu ini menyatakan sebuah keluarga yang harus melarikan diri ke Mesir. Siapakah keluarga itu?

Cari TUJUH perbezaan pada gambar di bawah.



Lukiskan gambar keluarga adik-adik pada ruangan di bawah.



BELIA

Pelajar kongsi sukacita Krismas bersama warga emas

KUALA LUMPUR: Sri Paus Leo XIV menyeru setiap paroki dan kumpulan atau persatuan Gereja untuk menjadi sebahagian daripada “revolusi” penjagaan dan penghargaan dengan melawat warga tua secara berkala.

Ini menjadi inspirasi bagi pelajar Katekismus Tingkatan 3 yang mengubah sambutan akhir tahun mereka kepada sesuatu yang luar biasa.

Sambutan akhir tahun itu telah diubah kepada tindakan perkhidmatan yang membawa pengalaman berharga kepada para pelajar katekismus Tingkatan 3 Gereja Gemala Baik, Setapak.

Tidak mengadakan majlis atau parti, sebaliknya mereka membawa kehangatan, kegembiraan, dan persahabatan kepada penghuni *Little Sisters of the Poor* (LSP) di Cheras.

Acara itu bermula dengan doa, memohon berkat Tuhan ke atas penghuni warga emas.

Suasana bertukar menjadi ceria apabila pelajar mempersembahkan tarian yang berenergi dibalas dengan tepukan serta senyuman warga emas.

Selepas persembahan, mereka mengagihkan hadiah Krismas yang terdiri daripada barangan penjagaan, makanan ringan perayaan, dan keperluan harian.

Semasa para pelajar kembali menyanyikan lagu-lagu Krismas, para warga emas turut menyertai mereka dengan mengetuk

kaki atau ikut melakukan aksi yang menghibur hati.

Salah satu momen paling menyentuh hari itu ialah sesi perkongsian. Pelajar duduk bersama penduduk, mendengar cerita pengalaman hidup yang kaya, daripada bekas profesional dan pengembara dunia sehinggalah kisah tentang keberanian mereka dalam menghadapi penyakit.

Sesetengah penghuni menceritakan bagaimana mereka datang ke rumah itu, manakala yang lain bercakap tentang memilih LSP kerana percaya penjagaan tulus oleh para biarawati LSP.

Lawatan itu juga termasuk lawatan berpandu, membolehkan pelajar melihat secara langsung penjagaan teliti yang menyokong kehidupan harian penduduk. Lawatan diakhiri dengan makan tengah hari yang meriah yang ditaja oleh guru dan pelajar.

Setiap penghuni menerima kad Krismas buatan tangan, diisi dengan mesej peribadi dan doa, dan kelas itu menyampaikan sumbangan tunai untuk menyokong keperluan berterusan— satu tindakan yang sangat dihargai oleh para Sister.

Ketika para pelajar beredar untuk pulang, mereka membawa bersama mereka kesedaran yang mendalam bahawa amal bukan sekadar tindakan — ia adalah panggilan.



Belia Asia cemerlang dalam mengexpresi iman

VATIKAN: Lebih 15,000 orang muda bertemu dengan Sri Paus Leo XIV secara maya semasa Persidangan Belia Katolik Pemimpin Gereja Asia, menyatakan keterujaan, harapan, dan kebimbangan mereka untuk Hari Belia Sedunia (WYD) 2027 yang akan diadakan di Seoul, Korea Selatan.

Buat kali pertama perhimpunan global itu akan diadakan di Asia Timur. Harapan para belia ini dikongsi semasa sidang akhbar Ziarah Agung Harapan di Pulau Pinang, yang diselenggarakan oleh Daniel Roy, Ketua Pejabat

Komunikasi Sosial Keuskupan Pulau Pinang. Empat orang kardinal, Kardinal Philip Neri, Kardinal Tarcisio Isao Kikuchi, Kardinal Pablo Virgilio “Ambo” David, dan Kardinal Sebastian Francis, menawarkan perspektif yang berbeza tentang bagaimana WYD 2027 dapat membentuk landskap rohani dan budaya umat Katolik muda di seluruh Asia.

Kardinal Philip Neri, Presiden FABC, menekankan kepentingan besar WYD 2027 bagi Gereja Asia, terutamanya ketika umat Katolik muda sedang giat melakukan pelba-

gai persiapan di pelbagai negara. Satu persiapan simbolik yang sudah berjalan adalah ziarah Salib WYD, yang sedang mengembara dari negara ke negara untuk membangkitkan doa dan semangat.

“Salib ini sedang diedarkan untuk mempersiapkan golongan muda,” katanya. “Belia bukan sahaja harapan Gereja, bukan sahaja masa depan—mereka adalah masa kini.”

Sambil mengakui bahawa program perseediaan konkrit berbeza-beza dan beberapa butiran belum kelihatan sepenuhnya di

peringkat tempatan, Kardinal Neri menekankan bahawa persiapan telah bermula di keuskupan seluruh dunia.

Beliau menyatakan harapan agar pembentukan pastoral yang lebih berstruktur dan aktiviti rohani akan ditubuhkan menjelang tahun 2027.

Bagi Kardinal Tarcisio Isao Kikuchi dari Jepun, menjadi tuan rumah WYD di negara yang penduduk Katoliknya minoriti seperti Korea adalah peluang luar biasa untuk penglibatan melalui budaya, keramahtamahan dan kegembiraan.

Merenungkan penyertaannya baru-baru ini dalam Jubli Belia di Roma, Kardinal Kikuchi menyatakan bagaimana belia Asia cemerlang dalam ekspresi kreatif, muzik, tarian, dan persembahan budaya, yang menarik bukan sahaja umat Katolik yang komited, tetapi juga orang yang beriman secara nominal dan malah bukan Kristian.

“Di Roma, belia dari Asia menganjurkan acara yang penuh dengan muzik dan tarian, serta anak muda dari seluruh dunia turut serta. Inilah keindahan perhimpunan belia, ia menarik semua orang,” katanya.

Beliau percaya Korea, dengan populasi Katolik yang semakin meningkat dan landskap budaya yang bertenaga, akan dapat mengalu-alukan golongan muda yang pelbagai bukan sahaja dari Asia tetapi dari seluruh dunia. “Bagi kami di negara-negara di mana Katolik adalah minoriti kecil, seperti Jepun, Thailand, dan lain-lain, WYD di Korea adalah saat untuk menunjukkan kehadiran, kegembiraan, dan identiti kami,” tambahnya.

Bagi Asia, di mana budaya, agama, dan dinamik belia sangat pelbagai, Seoul 2027 berdiri sebagai detik penting, yang boleh membentuk masa depan Gereja di seluruh benua dan seterusnya. **RVA News**

Berita singkat antarabangsa

Serangan di Australia, Sri Paus Leo kesal dan berdukacita

VATIKAN: Setelah mendengar berita serangan di Pantai Bondi di Australia, Sri Paus Leo XIV menghantar telegram, ditandatangani oleh Setiausaha Negara Kardinal Pietro Parolin, kepada Uskup Agung Sydney, Anthony Fisher.

Sri Paus menyatakan kesedihan yang mendalam atas kehilangan "ahli komuniti Yahudi yang berkumpul untuk sambutan Hanukkah."

Telegram itu seterusnya menawarkan "kedekatan rohani Bapa Suci kepada semua yang terjejas oleh tindakan keganasan yang tidak bermakna ini."

Bapa Suci Leo berkongsi harapan baharunya bahawa "mereka yang tergoda untuk melakukan keganasan akan mengalami pertaubatan dan mencari jalan damai".

Beliau menawarkan doa untuk mereka yang masih dalam pemulihan "serta penghiburan bagi mereka yang berduka atas kehilangan orang tersayang."

Bapa Suci menyerahkan orang yang meninggal dunia kepada Tuhan sambil memohon "berkat ilahi kedamaian dan kekuatan ke atas semua rakyat Australia." Media Vatikan



Krismas mengajak kita bina kesatuan, damai

ROMA: Sri Paus Leo XIV membuat kunjungan istimewa ke konsert Krismas *InCanto*, yang dipersembahkan oleh murid-murid Sekolah Kepausan Paulus VI di Castel Gandolfo.

Konsert itu adalah peluang bagi kanak-kanak untuk mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada semua orang, dan untuk menekankan bahawa kekayaan sebenar tidak diukur melalui pemilikan tetapi oleh kedamaian yang dapat dijana dalam diri sendiri dan dalam hubungan dengan orang lain.

Krismas membangkitkan kegembiraan dan kedamaian

Murid-murid mempersembahkan pilihan lagu-lagu Krismas: *Melodi Adeste fideles*, *Joy to the World*, *Noël Noël* dan *Astro del ciel* memenuhi gimnasium yang dihias secara meriah, dipenuhi dengan ibu bapa, guru, dan kakitangan sekolah.

"Sangat indah untuk mendengarkan lagu-lagu Krismas dalam bahasa Itali, Latin, Inggeris dan Sepanyol," kata Sri Paus Leo.

Mendengar kanak-kanak menyanyi dalam pelbagai bahasa, katanya, membantu semua orang memahami bahawa Krismas membangkitkan kegembiraan dan kedamaian dalam hati setiap orang.

Ajakan untuk melakukan lebih banyak demi keamanan

Merenungkan salah satu lagu yang dipersembahkan, dengan lirik yang merujuk kepada "malaikat yang membawa cinta," Sri Paus menyatakan bahawa kanak-kanak itu sendiri telah membawa cinta melalui muzik mereka.

Beliau teringat kata-kata Sto Augustinus yang mengatakan bahawa "siapa yang mencintai akan selalu menyanyi," kerana cinta membolehkan hati memahami apa

yang benar-benar penting.

"Tuhan ingin menyampaikan kepada kita semua kurniaan cinta: inilah Krismas," kata Sri Paus Leo, menekankan bahawa Tuhan mendekati manusia, terutamanya kepada yang terkecil dan paling terdedah.

Prelatus itu menyatakan harapan agar semangat ini, yang diraikan pada Hari Krismas, dapat dihayati bukan sahaja pada hari-hari ini tetapi sepanjang tahun.

Melihat Tuhan dalam yang terkecil dalam kalangan kita

Sebagai penutup, Sri Paus Leo menawarkan berkatnya kepada kanak-kanak dan keluarga mereka, menggalakkan mereka untuk berdoa bersama dan membuka hati mereka untuk mengenali kehadiran Tuhan, terutamanya dalam kalangan yang miskin, terabai dan warga tua. **Media Vatikan**

Bangkok jadi tuan rumah persidangan Asia tentang sinodaliti, budaya peribumi dan ekologi

BANGKOK: Pemimpin Gereja, ahli teologi, dan penyokong hak Orang Asli dari seluruh Asia berkumpul di Thailand bulan ini untuk persidangan serantau yang meneliti inkulturasi, sinodaliti, dan ekologi bersepadu dalam kehidupan Gereja.

Persidangan mengenai Inkulturasi, Sinodaliti dan Ekologi Integral telah diadakan dari Disember 8 hingga 12, 2025, di Rumah Don Bosco, Bangkok, menghimpunkan peserta dari Asia Tenggara, Asia Selatan, dan rantau Asia-Pasifik yang lebih luas.

Perhimpunan yang dianjurkan oleh *ROOTS* Asia, Rangkaian Katolik Orang Asli Asia, menampilkan pembentangan yang meneroka bagaimana budaya tempatan, kebijaksanaan Orang Asli, dan kebimbangan ekologi boleh membentuk amalan sinodal dalam Gereja.

Antarasesi utamalah "Menuju Paradigma Sinodal Malaysia" oleh Charles Bertille dari Malaysia, "Rice-merit Network in Thailand" oleh Fr. Michael Bistis dari Kolej Saengtham, dan "Top Down Inculturatio" oleh Fr Vincent Wilson dari India. **LiCAS News**

Ribuan hadir festival lagu Natal terbesar di India

MUMBAI: Ribuan orang Kristian dari pelbagai denominasi menghadiri festival muzik Krismas tahunan, yang diuar-uarkan sebagai yang terbesar di India.

Diadakan di Mumbai, Gereja Katolik, Methodist, Pentekostal, dan Evangelikal menghadiri *Prabhu Yeshu Janmotsav* (Perayaan Kelahiran Tuhan Yesus) pada petang Disember 14, di Girgaon Chowpatty, sebuah pantai awam di Mumbai Selatan.

Kini memasuki tahun ke-60, acara itu telah berkembang menjadi platform ekumenikal utama

yang menyatukan Gereja untuk berkongsi mesej keamanan, iman, harapan dan kasih sayang semasa musim Adven, kata para pemimpin.

Selama bertahun-tahun, "acara itu telah menjadi mercu tanda perpaduan dan kegembiraan, menyatukan orang dari semua lapisan masyarakat," kata Kardinal Oswald Gracias, uskup agung emeritus Bombay.

"Yesus bukan sekadar Putera Damai; Dia adalah damai itu sendiri," kata Kardinal Oswald. **ucanews**

Gereja Perancis dan Spanyol beatifikasi hampir 50 orang kudus

PARIS: Hampir 200 orang Katolik yang terbunuh semasa Perang Dunia Kedua (1939-1945) dan Perang Saudara Sepanyol (1936-1939), telah dibeatifikasi di Perancis dan Sepanyol baru-baru ini.

Para martir itu telah dipuji atas keberanian dan iman mereka.

Kardinal Jean-Claude Hollerich dari Luxembourg memimpin Misa Kudus di Katedral Notre Dame, Paris, mengkanonisasi 50 orang martir pada Disember 13.

Kardinal Hollerich, yang juga berkhidmat sebagai Uskup Agung Luxembourg, mengingatkan golongan belia dari Perancis dan Eropah yang tidak lagi menghadiri Gereja dan tidak

lagi melihat makna dalam kehidupan mereka untuk mencontohi Kristus seperti yang dilakukan oleh para martir.

"Belajarlah daripada-Nya (Kristus) belajarlah daripada-Nya untuk mengabdikan diri kamu bagi membina kerajaan Tuhan di bumi. Belajarlah juga daripada keberanian dan kebajikan para martir," kata Kardinal Hollerich.

Beliau memuji kumpulan martir tersebut yang terdiri daripada paderi, biarawan, seminarian, aktivis Tindakan Katolik dan pengakap, atas "cinta mereka yang tidak terhingga kepada Tuhan, kepada Kristus." Media Vatikan

BANGKOK: Gereja-gereja tempatan di seluruh Thailand telah merayakan Tahun Suci 2025 melalui Misa, ziarah dan aktiviti pastoral yang dianjurkan oleh keuskupan dan paroki sepanjang tahun, kemuncaknya ialah upacara penutup peringkat keuskupan menjelang akhir tahun 2025.

Walaupun Jubli sejagat akan berakhir secara rasmi dengan penutupan di Roma, keuskupan tempatan di seluruh dunia telah mengadakan liturgi dan renungan penutup mereka sendiri.

Di Keuskupan Agung Bangkok, salah satu pusat ziarah yang ditetapkan ialah *Shrine* Fr Nicholas Boonkerd Kitbamrung yang diberkati di Samphan.

Sepanjang tahun, *shrine* itu menjadi tuan rumah kepada ziarah, perayaan Ekaristi dan acara pastoral yang berkaitan dengan Tahun Suci.

Aktiviti-aktiviti ini memuncak dalam program penutup sepanjang hari pada Disember 13, diakhiri dengan Misa malam.

Antara sorotan hari itu ialah perbincangan panel yang merenungkan makna dan buah rahmat Jubli, menampilkan suara daripada golongan klerus, religius, profesional awam, dan wakil tradisi agama lain.

Sr Marie Agnes Buasap, SPC, menekankan kepentingan memupuk harapan, terutamanya dalam klan-



Bangkok akhiri Tahun Jubli dengan pertaubatan, dialog dan doa

gan golongan muda. Beliau menekankan bahawa harapan sering bermula dengan gerak isyarat kecil dan penuh perhatian.

Dia berkongsi pengalaman peribadi dengan ibu bapa sekolah yang pernah cuba membunuh diri.

"Ia bermula dengan lawatan mudah," katanya. Sebelum ibu bapa itu sempat bercakap tentang kesakitan mereka, Tuhan membenarkan saya memahami perjuangan mereka. Orang itu kemudian menyedari betapa mendalamnya Tuhan mengasihinya mereka. Saya hanyalah alat-Nya."

Salah seorang panel ialah penyanyi popular Praparp Tunjarune, yang dikenali ramai sebagai Fen, berkongsi tentang harapan yang berakar umbi dalam kepercayaannya kepada Tuhan, menyatakan bahawa muziknya telah menjadi satu bentuk

doa dan pujian.

"Menyanyi adalah cara saya untuk mengucapkan terima kasih dan menawarkan harapan kepada orang lain," katanya.

Dr Padthera Anna Narkurairattana, seorang profesor universiti, menyatakan harapannya untuk keamanan yang berlandaskan keadilan, terutamanya di Selatan Jauh Thailand, di mana rungutan sejarah dan persepsi penindasan negara terus mencetuskan keganasan sporadik.

Fr John Baptist Somkiat Trinikorn, seorang paderi paroki, menawarkan renungan yang berteraskan tema Jubli "Penziarah Harapan."

Beliau menjelaskan bahawa harapan bukan sekadar perasaan tetapi satu perjalanan, "pergerakan hati yang enggan berdiam diri, walaupun dunia sarat dengan penderitaan." **LiCAS News**

Fokus pada kebangkitan Yesus: ia akan mengubah hidupmu!

VATIKAN: Semasa Audiens Umum Rabu di Dataran Sto Petrus, Sri Paus Leo XIV menyatakan kita semua memiliki perasaan untuk sentiasa bergerak, yang “mendorong kita untuk melakukan, untuk bertindak.”

Oleh sebab itu, kelajuan sering diperlukan untuk mencapai matlamat ideal dalam hampir mana-mana bidang.

Sri Paus meminta agar umat mengurangkan perhatian kepada tuntutan duniawi sebaliknya mengalihkan tumpuan kepada Kebangkitan Yesus kerana ia boleh mempengaruhi kehidupan harian kita.

Apabila kita semua mengambil bahagian dalam kemenangan Kristus atas kematian, persoalannya ialah: Adakah kita akan mendapat rehat?

Bapa Suci menjelaskan bahawa iman akan memberitahu kita untuk berehat. Ia tidak akan menjadi rehat yang tidak aktif. Sebaliknya, rehat itu menjadikan kita akan hidup dalam kedamaian dan kegembiraan.

Bapa Suci menambah, “Setiap hari, kita mendapati diri kita benar-benar sibuk dengan aktiviti. Kehidupan harian kita dipenuhi dengan pilihan, masalah, kesukaran, dan tanggungjawab. Ini juga berlaku kepada Yesus, namun fokus-Nya tetap pada “memberikan diri-Nya sehingga akhir.”

Sri Paus Leo memberi amaran terhadap pemikiran bahawa melakukan begitu banyak perkara akan memberikan kepuasan. Sebaliknya, ia “menjadi pusingan yang merampas ketenangan kita, dan menghalang kita daripada menjalani sepenuhnya apa yang benar-benar penting dalam hidup kita.”

Apabila kita letih dan tidak berpuas hati, kita mungkin merasakan seolah-olah kita menghabiskan begitu banyak masa kita un-



tuk berjuta-juta perkara praktikal yang tidak membawa kita kepada matlamat akhir kewujudan kita.

Walaupun di penghujung hari yang penuh dengan peristiwa dan aktiviti, kita boleh berasa kosong. Mengapa? “Kerana kita bukan mesin, kita mempunyai ‘hati!’” kata Sri Paus.

“Hati”, jelas Bapa Suci, “ialah simbol seluruh kemanusiaan kita, jumlah pemikiran, perasaan dan keinginan kita, pusat diri kita yang tidak kelihatan.” Injil Matius mengajak kita untuk merenungkan hati sebagai tempat kita menyimpan semua harta kita.

Atas sebab ini, penting agar kita tidak menyimpan harta kita dalam perkara-perkara duniawi dan sementara.

Sri Paus menggesa semua orang untuk melihat ke dalam diri mereka sendiri untuk melihat di mana harta dan hati mereka berada. Ini adalah kerana disebabkan terlalu banyak komitmen, kita menghadapi risiko untuk berpecah, putus asa, dan kehilangan makna.

Oleh sebab itu, Sri Paus Leo mengajak umat untuk mengubah tafsiran hidup kita

dan melihatnya melalui lensa Paskah. Jika kita mengubah tafsiran hidup kita dan melihatnya melalui lensa Paskah, kita boleh menemui makna; kita mendapat “akses kepada intipati peribadi manusia, kepada hati kita: *cor inquietum*.” Ini ialah “hati yang gelisah” yang sangat terkenal disebut oleh Sto Augustinus dalam karyanya, *Confessions*.

Rasa gelisah ini menunjukkan bahawa hati kita tidak bergerak secara kebetulan, “secara tidak teratur, tanpa tujuan atau destinasi, tetapi berorientasi kepada destinasi akhirnya, iaitu ‘pulang ke rumah.’” Harta sejati hati kita ditemui dalam Tuhan yang mengasihani, dan kita boleh menemui ini dalam mengasihani jiran kita.

Yesus—melalui Penjelmaan, Sengsara, Kematian, dan Kebangkitan-Nya—telah membuka jalan kepada harapan ini bagi kita. Jika kita memasuki “dinamisme cinta yang mana kita diciptakan”, hati kita yang gelisah tidak akan kecewa. Destinasi itu pasti, kehidupan telah menang, dan melalui Kristus, kehidupan akan terus menang dalam setiap kematian kehidupan seharian.” **Media Vatikan**



**PENULIS
BERKICAU**

Melania Liza Magnus

Menyulam harapan 2026

Tahun baru menjadi momen refleksi, di mana kita melihat kembali perjalanan hidup yang sudah dilalui, belajar dari kegagalan, dan merayakan pencapaian. Ini juga menjadi waktu untuk menyusun harapan baharu dan memperbaiki apa yang masih kurang.

Saya amat bersyukur kerana tahun 2025 merupakan Tahun Jubli Harapan. Melalui ziarah dan pelbagai kegiatan tentang “Harapan”, ia mengajar saya tentang kekuatan menghadapi cabaran.

Semoga pengalaman dan semangat Tahun Jubli Harapan, terus dibawa ke tahun baharu 2026.

Tahun Jubli Harapan juga telah menyedarkan saya untuk mencintai dan mengenal diri sendiri. Sebelum ini, saya mempunyai banyak ‘harapan’ tinggi sehingga saya tertekan.

“Harapan” dalam Kristus mendorong saya untuk menerima kegagalan dan merendahkan “standard” atau piawai.

Mustahil untuk mencapai semua piawaian. Maka, pada tahun 2026 ini, saya mahu mengalah tetapi lebih menerima ketidaksempurnaan dalam banyak bidang kehidupan dan lebih terbuka untuk menerima bantuan serta nasihat daripada orang lain. Ini adalah kerana, rasa damai dan tenang itu sangat mahal.

Disebabkan kesibukan mengejar “standard” ia sebenarnya telah merampas ketenangan minda dan jiwa.

Semasa mengikuti rekoleksi Adven baru-baru ini, saya tersentuh apabila seorang religius mengatakan, Yesus tidak berinteraksi dengan sebahagian besar manusia semasa berjalan di planet ini. Yesus tidak memenuhi setiap keperluan. Orang ramai terpaksa menunggu dalam barisan untuk disembuhkan. Namun, tiada seorang pun yang pernah melakukan kehendak Bapa secara menyeluruh seperti Yesus.

Ya, sangat kerap saya bertindak “mahu menyelamatkan dunia” sehingga lupa, Gereja domestik saya iaitu keluarga saya juga memerlukan saya. Saya memang selalu menginginkan banyak perkara tetapi lupa menerima kenyataan bahawa kita ialah makhluk yang terbatas, dan kesempurnaan bukanlah daripada dunia ini.

Ini mengingatkan saya tentang Martha yang mempunyai niat yang mulia untuk memasak hidangan yang lazat bagi menyenangkan Tuhan kita (Lukas 10:38-42), dia terlepas pandang bahawa matlamat utama seharusnya peribualan dan hubungan dengan Tuhan — bukan makan malam yang sempurna.

Pada akhirnya, dunia akan diselamatkan oleh rahmat Tuhan. Kita hanya instrumen Tuhan!

Kita mengharapkan yang baik-baik sahaja untuk Tahun 2026 dan semoga semua kita dapat berjalan bersama menuju Perhimpunan Pastoral Malaysia pada bulan September, 2026!

Jus rohani untuk jiwa

Tujuh cadangan resolusi untuk tahun baharu

Dengan hanya beberapa hari lagi sebelum bermulanya tahun 2026, ramai di antara kita akan mempertimbangkan perubahan positif yang ingin kita lakukan dalam hidup kita. Walau bagaimanapun, walaupun kita mungkin mempunyai niat yang baik, resolusi tersebut sering gagal. Menjelang bulan Februari, mungkin ia akan gagal atau resolusi itu terlupa untuk dilakukan.

Berikut merupakan beberapa resolusi yang boleh dilakukan dalam jangka masa yang panjang, akan menjamin pertumbuhan rohani anda, dan mungkin juga mempunyai beberapa manfaat kesihatan:

1. Kenali orang kudus harian anda

Dengan gajet dan aplikasi yang ada, resolusi ini adalah sesuatu yang mudah. Sambil menikmati kopi, jus atau sarapan anda, luangkan lima minit untuk mempelajari tentang santo hari ini. Dengan meluangkan beberapa minit ini pada waktu pagi, anda akan mendapat inspirasi sepanjang hari.

2. Minum lebih banyak air

Bagi pencinta soda, ini adalah keputusan yang sukar, tetapi terdapat banyak manfaat dalam resolusi ini. Dengan mengurangkan minuman ringan dan jus, anda akan membantu kesihatan anda dan mengurangkan penggunaan botol plastik, sambil turut memberikan badan anda elemen yang paling penting yang diperlukannya.

3. Berdoa rosari bersama keluarga

Luangkan masa dalam seminggu untuk

berdoa rosari bersama sebagai keluarga. Sama ada Ahad sebelum tidur atau Jumaat malam, luangkan masa-masa ini dalam doa, renungan dan ia akan membuat perbezaan besar untuk keluarga anda.

5. Lakukan perbuatan baik

Walaupun anda mungkin sudah melakukan perbuatan baik secara rawak, atau terlibat dalam kerja amal, anda boleh menjadi lebih bersungguh-sungguh mengenainya dengan memperuntukkan satu hari setiap minggu atau setiap bulan untuk membantu seseorang di kawasan kejiranan anda.

Sama ada anda singgah untuk melawat warga emas yang kesunyian selama 30 minit, atau membantu jiran dengan anak-anak kecil mereka, dengan menjaga mereka yang memerlukan dalam komuniti tempatan anda, anda akan mewujudkan kejiranan yang benar-benar lebih bahagia.


6. Berjalan lebih banyak

Bagi mereka yang tinggal di kawasan terpencil, ini adalah satu cabaran, tetapi jika rumah anda tidak terlalu jauh dari kemudahan tempatan dan rakan atau keluarga, maka tinggalkan kereta dan berjalan lebih banyak. Terdapat banyak manfaat berjalan kaki: ia bagus untuk alam sekitar, dan ia meningkatkan kesihatan fizikal dan mental.

7. Katakan sesuatu yang positif

Apabila hidup sukar, sangat sukar untuk melihat atau mengatakan sesuatu yang positif. Namun, anda boleh bersyukur kepada Tuhan, yang akan membantu membawa sedikit harapan.

Ia juga cara yang hebat untuk memulakan amalan bersyukur, yang merupakan kunci kepada kehidupan yang sentiasa gembira. Galakkan juga anak-anak anda untuk melakukan ini. **Aleteia**



MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Kita boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my

**atau
WhatsApp: 011-26391498**

Bagi Penganut Kristian Dalam Kawasan Konflik. Marilah kita berdoa agar orang Kristian yang tinggal di kawasan peperangan atau konflik, terutamanya di Timur Tengah, dapat menjadi benih keamanan, perdamaian dan harapan.



Penziarah dan kardinal Myanmar kunjungi Kolej para Martir

PULAU PINANG: Pada Disember 1, delegasi dari Gereja Katolik Myanmar, diketuai Kardinal Charles Maung Bo, Uskup Agung Yangon, melawat *College General*, Seminari utama di rantau ini.

Delegasi seramai 30 orang itu sebelum ini telah menyertai perhimpunan Ziarah Agung Harapan di Pulau Pinang dari November 27 hingga 30, yang meraikan Gereja di Asia sebagai komuniti yang hidup membina jambatan antara negara.

Delegasi itu disambut dengan mesra oleh Kardinal Sebastian Francis, Uskup Pulau Pinang dan Presiden *College General*, diiringi oleh Fr Ryan Innas Muthu (Rektor); Fr Surain Durai Raj (Dekan Pengajian); Fr Cyril Mannayagam (Penasihat Rohani); Fr Stephen Lim (Penyelaras Pastoral); Fr Larry Tan, SJ (Pembentuk dan Pengarah Rohani), dan 20 orang seminarian yang mewakili kesinambungan hidup misi Gereja.

Semasa Perhimpunan Ziarah Agung Harapan, Kardinal Sebastian telah menggesa para peserta un-

tuk menerima panggilan bersama mereka sebagai penziarah harapan, dengan berkata, "Kita bukan orang asing antara satu sama lain, tetapi penziarah yang rendah hati yang berusaha untuk menjadi alat Harapan di Asia."

Kardinal Bo menggemakan semangat kegembiraan ini, menggalakkan umat beriman untuk memberi kesaksian melalui tindakan mudah, mengingatkan semua, "Iman adalah mesej yang manis. Biarkan Berita Baik bermula dengan senyuman," mengesahkan bahawa penginjilan bermula dari hati. Semangat perpaduan terserlah apabila para seminarian menyambut delegasi dengan persembahan yang menyentuh hati dengan lagu "Hari Ini Kurasa Bahagia".

Sebagai balasan, penziarah dari Myanmar menyanyikan lagu "Golden Footsteps," yang digubah oleh Uskup Maurice Nyunt Wai, membangkitkan legasi *College General* di mana tempat pembentukan ramai martir dan umat beriman yang diwartakan

sebagai kudus.

Delegasi itu melawat Kapel Hati Kudus, berhenti untuk berdoa di hadapan peninggalan 47 orang martir termasuk Sto Philip Minh.

Sejarah penubuhan dan pengorbanan *College General* telah melayakkannya mendapat gelaran yang dihormati sebagai Kolej para Martir.

Kardinal Bo diiringi oleh Uskup Agung Mark Tin Win; Uskup Noel Saw Naw Aye, Maurice Nyunt Wai, Tin Wai, Stanilaus Min Ko, dan Wai Lin Htun; bersama dengan pemimpin klerus, agama, dan awam.

Dalam Buku Pelawat, Kardinal Bo, Uskup Maurice Nyunt Wai, Min Ko, dan Noel Saw menyatakan rasa terima kasih mereka kepada Jeneral Kolej atas peranan berterusannya dalam membentuk paderi Myanmar.

Sr Leh Leh Khaing turut mengucapkan terima kasih, memohon syafaat Bunda Maria untuk perlindungan dan diakhiri dengan doa: "Semoga Tuhan Memberkati Kita Semua."

Ribuan penduduk saksikan perarakan "Yesus Kristus Harapan kita"



SIBU: Walaupun hujan turun tanpa henti, kira-kira 6,000 orang tidak berganjak untuk menonton Perarakan Krismas ACS Sibu 2025 yang bertema, "Yesus Kristus, Harapan Kita yang Diberkati."

Diadakan oleh ACS cawangan Sibu dan dihoskan oleh Gereja Katolik, perarakan sejauh dua kilometer itu melalui pusat bandar, menampilkan kumpulan pancaragam yang bertenaga, kereta hiasan yang dihias secara kreatif dan umat beriman dari pelbagai Gereja.

Gereja-gereja yang mengambil bahagian termasuk Gereja Anglikan, Misi Evangelikal Borneo (BEM), Gereja Katolik, Gereja Methodist (Persidangan Tahunan Cina Sarawak dan Iban), YMCA Sibu, serta beberapa Gereja bebas.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Rev Msgr Michael Lee, Naib Pengerusi ACS Sibu, yang mengucapkan terima kasih atas semangat perpaduan yang kuat dalam kalangan gereja-gereja.

Beliau menekankan bahawa Perarakan Krismas ACS Sibu, yang kini memasuki tahun ke-54, kekal berfungsi sebagai saksi Krismas awam yang paling lama di Sarawak.

Apa yang bermula di dalam kawasan Gereja telah berkembang

menjadi perarakan yang berkuasa menyatukan orang dari generasi dan tradisi yang berbeza. "Malam ini, kita berjalan bersama dalam iman, mewartakan bahawa Yesus Kristus adalah Harapan Kita yang Diberkati," katanya.

Doa pembukaan dipimpin oleh Venerable *Archdeacon* Jose Jol, pengerusi ACS Sibu dan Vikar Gereja Anglikan St John, diikuti dengan sesi Pujian dan Penyembahan pelbagai bahasa yang diketuai oleh Kumpulan Doa Bahasa Inggeris Katedral Hati Kudus.

Uskup Joseph Hii dari Keuskupan Sibu kemudian menyampaikan renungan Krismas yang mengingatkan umat beriman bahawa walaupun ramai penduduk asli Sibu telah membawa harapan melangkaui bandar, mereka yang kekal terus menjadi pembawa harapan kepada komuniti mereka sendiri.

Pada pukul 6.50 petang, Lilin Perpaduan dinyalakan oleh Uskup Hii bersama Rev Lee, Pastor Yahya Ating (BEM), Dr Lau Hui Ming (Gereja Methodist SCAC), Kaunselor Paul Teo, Penghulu Ting Tien Huat dan tetamu kehormat lain, secara rasmi menandakan permulaan perayaan.

KOTA KINABALU: Sambutan Krismas dalam skala yang lebih besar dan buat julung kalinya di Sabah, mencerminkan semangat keharmonian pelbagai bangsa di negeri Sabah sejak sekian lama," kata Uskup Anglikan, Rev Melter Jiki Tais yang mewakili Presiden Majlis Gereja-gereja Sabah, Rev Jerry Dusing sempena Pelancaran Sambutan Krismas Sabah 2025 pada petang Disember 16 lalu di Padang Merdeka, Kota Kinabalu.

Sambutan Krismas peringkat negeri Sabah itu berlangsung selama empat hari iaitu dari Disember 16-19, 2025.

Melter mengatakan, "Krismas membawa mesej yang melangkaui perayaan, mesej tentang harapan di tengah-tengah cabaran, damai dalam kepelbagaian dan kasih yang diterjemahkan melalui tindakan nyata dalam kehidupan bermasyarakat."



Krismas peringkat Sabah, platform perkukuh keharmonian

Beliau mengajak semua agama agar menghargai kedamaian bukan hanya sebagai satu keadaan

tetapi sebagai amanah bersama yang mesti dijaga.

Katanya, "Damai bertumbuh

apabila kita saling menghormati, bekerjasama dan mengutamakan kasih dalam tindakan kita."

Beliau memetik Yesaya 9:1, "Bangsa yang berjalan dalam kegelapan telah melihat terang yang besar" bahawa dalam apa pun keadaan, cahaya pengharapan sentiasa ada dan nilai inilah yang terus menyatukan rakyat Sabah.

Majlis perasmian itu disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Musa Aman.

Sambutan Krismas Sabah ini mencatat sejarah apabila acara yang dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) bersama *Sabah Council of Churches* (SCC) telah diangkat secara rasmi sebagai acara peringkat negeri.

Pelbagai program dan aktiviti dianjurkan sepanjang sambutan ini dengan penekanan kepada aspek keluarga, komuniti dan sosial yang saling melengkapi dalam membentuk masyarakat yang seimbang serta berdaya tahan.